



Ruj. Kami: JPA(S)TT.193/37/Jld.4 (77)

Tarikh: 15 Mac 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

GALAKAN MEMAKAI BAJU KEBANGSAAN PADA HARI JUMAAT

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan sukacita memaklumkan keputusan Kerajaan untuk menggalakkan semua pegawai awam lelaki yang beragama Islam memakai baju kebangsaan ke pejabat pada setiap hari Jumaat.

2. Sebagaimana semua sedia maklum, hari Jumaat merupakan hari yang mulia dan penghulu segala hari bagi semua umat Islam. Umat Islam khususnya kaum lelaki adalah diwajibkan untuk menunaikan solat fardu Jumaat dan digalakkan berpakaian bersih dan kemas untuk bersolat Jumaat di masjid.


3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk menggalakkan semua pegawai awam lelaki yang beragama Islam mengenakan baju kebangsaan lengkap bersamping dan bersongkok (warna gelap iaitu hitam atau biru tua) pada setiap hari Jumaat ke pejabat. Selain dari kelihatan bersih dan kemas untuk menunaikan solat Jumaat di masjid, pemakaian baju kebangsaan yang merupakan warisan negara perlu dikekalkan sebagai sebahagian dari identiti Malaysia.

4. Namun begitu, keputusan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dikehendaki memakai pakaian seragam atau majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

5. Perlu ditegaskan bahawa pemakaian baju kebangsaan ini hendaklah lengkap bersamping dan bersongkok (warna gelap iaitu hitam atau biru tua) dan syarat yang ditetapkan di perenggan 2.1.3 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 adalah dipinda sewajarnya untuk membolehkan pelaksanaan keputusan Kerajaan ini. Keputusan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini seterusnya kepada agensi di bawah seliaan Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan